

هوڠ ليونڠ م.س.أ.ج. نكافل



**HongLeong** MSIG Takaful

## HLM Takaful **Tenang 75**

Kekal Tenang Dengan Kami!



Sila kunjungi mana-mana cawangan kami atau  
hubungi 03-7650 1800  
Layari [www.hlmtakaful.com.my](http://www.hlmtakaful.com.my)

PERLINDUNGAN  
*tenang*  
MAMPU & MUDAH

# Kami Melindungi Anda Di Bawah Sayap Kami

Melindungi keluarga anda adalah penting bagi anda, dan kami berada di sini untuk menyokong anda dan melindungi masa depan keluarga anda walaupun terdapat ketidakpastian dalam hidup.

Pada masa yang mencabar dan sukar, Tenang akan sentiasa ada untuk mereka.

Memperkenalkan HLM Takaful Tenang 75, pelan takaful keluarga yang boleh diperbaharui setiap tahun yang bukan sahaja menawarkan perlindungan kewangan kepada keluarga anda tetapi juga menawarkan peningkatan perlindungan untuk kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD).

Sertai sekarang dan lindungi dengan sumbangan yang sama sebanyak RM75 sepanjang tahun.

**Kekal Tenang dengan kami!**

## Manfaat Kami Sepintas Lalu



### Penyertaan Mudah

Anda tidak perlu menjalani sebarang pemeriksaan perubatan. Hanya pengesahan kesihatan yang ringkas diperlukan sekiranya anda ingin menyertai pelan ini.

### Peningkatan Perlindungan Terhadap Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD)<sup>1</sup>

Sekiranya berlaku kematian atau TPD, 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas Permulaan akan dibayar. Jumlah Perlindungan Asas akan meningkat secara automatik kepada 105% dan 110% daripada Jumlah Perlindungan Asas Permulaan masing-masing pada pembaharuan pertama dan kedua.



### Pembaharuan Mudah

Pada akhir tahun sijil, sijil anda akan diperbaharui secara automatik untuk setahun lagi, sehingga maksimum dua kali, tanpa perlu menjalani pemeriksaan perubatan atau menjawab soal selidik kesihatan.



## Perkhidmatan Tambahan

Sekiranya berlaku kematian atau TPD, anda boleh memilih untuk melaksanakan mana-mana perkhidmatan yang disenaraikan di bawah, dimana sejumlah amaun akan ditolak daripada manfaat Takaful yang akan dibayar di bawah sijil anda dan membayarnya kepada penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami.



### **Badal Haji – RM3,500<sup>2</sup>**

Kami akan melaksanakan rukun Haji di Mekah bagi pihak peserta Muslim yang tidak dapat melaksanakan Haji.



### **Korban – RM750<sup>2</sup>**

Kami akan menjalankan “Ibadah Korban” termasuk pembelian dan penyembelihan binatang ternakan bagi pihak peserta Muslim.



### **Wakaf – RM500**

Anda boleh memilih untuk mewakafkan sebahagian daripada harta anda untuk tujuan kebajikan yang disalurkan kepada institusi wakaf berautoriti.

## YURAN DAN CAJ

### 1. Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung. Yuran Wakalah sebanyak 45% akan kekal sama bagi semua Jumlah Perlindungan Asas Permulaan dan sepanjang tempoh perlindungan dan pembaharuan.

### 2. Tabarru'

Tabarru' yang telah ditetapkan berdasarkan umur, jantina dan Jumlah Perlindungan Asas akan ditolak daripada sumbangan. Jumlah Tabarru' yang bersamaan dengan sumbangan ditolak Yuran Wakalah adalah tidak dijamin.

<sup>1</sup> Sekiranya berlaku kematian atau TPD disebabkan bukan kemalangan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh permulaan sijil, hanya Jumlah Sumbangan yang Telah Dibayar akan dibayar.

<sup>2</sup> Tertakluk kepada harga pasaran semasa pada tahun perkhidmatan dijalankan.

# SOALAN LAZIM

## 1. Apakah maksud 'Takaful'?

Istilah 'Takaful' merujuk kepada skim berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan saling membantu yang menyediakan bantuan dan pertolongan kewangan kepada peserta-peserta sekiranya diperlukan di mana peserta-peserta bersetuju untuk menyumbang bagi tujuan tersebut. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan Tabarru' (derma) yang disatukan untuk memberi manfaat semasa berlakunya kejadian malang yang dialami oleh mana-mana peserta.

## 2. Bolehkah anda memberitahu saya dengan lebih lanjut mengenai dana di bawah HLM Takaful Tenang 75?

Hanya terdapat satu dana di bawah produk ini iaitu Dana Risiko Peserta (PRF). Sumbangan yang telah dibayar selepas ditolak Yuran Wakalah akan disalurkan ke dalam PRF sebagai Tabarru' (berdasarkan prinsip Iltizam Bi Al Tabarru'<sup>3</sup>) untuk menyediakan manfaat Takaful di bawah produk ini. Semua manfaat Takaful seperti Manfaat Kematian dan Manfaat TPD dibayar daripada PRF. Sebarang lebihan daripada PRF akan diagihkan dalam nisbah 50:50 di antara Pengendali Takaful (berdasarkan prinsip Ju'alah<sup>4</sup>) dan peserta yang layak.

## 3. Bagaimanakah saya boleh menyertai HLM Takaful Tenang 75?

Anda boleh menyertai HLM Takaful Tenang 75 secara atas talian menerusi laman web kami di [www.hlmserv.com](http://www.hlmserv.com).

## 4. Apakah umur kemasukan minimum dan maksimum bagi HLM Takaful Tenang 75?

Umur kemasukan minimum adalah 18 tahun manakala umur kemasukan maksimum adalah 60 tahun.

## 5. Apakah perlindungan minimum dan maksimum bagi HLM Takaful Tenang 75?

HLM Takaful Tenang 75 tidak mempunyai perlindungan minimum atau maksimum kerana jumlah perlindungan adalah tetap dan bergantung kepada umur kemasukan Orang Dilindungi seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Umur Kemasukan	Jumlah Perlindungan Asas Permulaan (RM)
18 – 30	50,000
31 – 35	40,000
36 – 40	30,000
41 – 45	20,000
46 – 50	13,000
51 – 55	9,000
56 – 60	5,000

## **6. Berapa lamakah saya perlu membayar sumbangan dan apakah mod pembayaran yang tersedia di bawah HLM Takaful Tenang 75?**

Tempoh sumbangan adalah satu (1) tahun, tetapi sumbangan perlu dibayar sehingga akhir tempoh perlindungan kerana sijil akan diperbaharui secara automatik untuk satu tahun lagi, sehingga maksimum dua (2) kali. Anda boleh membayar sumbangan secara tahunan, separa tahunan, suku tahunan atau bulanan. Mod pembayaran yang sama adalah terpakai bagi setiap pembaharuan sijil. Walau bagaimanapun, sekiranya anda ingin menukar mod pembayaran anda, anda boleh memberikan notis bertulis kepada kami sebelum pembaharuan sijil.

## **7. Apakah pengecualian utama di bawah HLM Takaful Tenang 75?**

- (a) Manfaat Kematian tidak akan dibayar sekiranya kematian berpunca secara langsung atau tidak langsung oleh bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh permulaan atau sebarang tarikh pengembalian semula sijil, yang mana kemudian.
- (b) Manfaat TPD tidak akan dibayar sekiranya TPD disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
  - (i) cubaan membunuh diri atau kecederaan yang disengajakan diri ketika waras atau tidak waras;
  - (ii) terlibat dalam penerbangan udara (termasuk terjun payung dan terjun udara) selain sebagai kru atau sebagai penumpang yang membayar tambang pada pesawat komersial yang membawa penumpang berlesen yang beroperasi di laluan berjadual biasa; atau
  - (iii) Keadaan Sedia Ada.

## **8. Adakah tempoh menunggu dikenakan untuk pelan ini?**

Ya. Tempoh menunggu selama 1 bulan dari tarikh permulaan sijil atau mana-mana tarikh pengembalian semula, yang mana kemudian, adalah terpakai untuk kematian dan TPD disebabkan bukan kemalangan dimana hanya jumlah sumbangan yang telah dibayar akan dibayar.

## **9. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?**

Ya. Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Pembatalan akan berkuat kuasa dari Tarikh sumbangan perlu dibayar berikutnya. Sila ambil maklum bahawa semasa pembatalan, sijil Takaful ini tidak akan memberikan apa-apa bayaran daripada PRF dan anda akan kehilangan manfaat dibawah sijil anda. Walau bagaimanapun, penyertaan dalam pelan takaful adalah suatu komitmen kewangan jangka panjang.

<sup>3</sup> *Iltizam Bi Al-Tabarru' bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru'.*

<sup>4</sup> *Ju'alah bermaksud perjanjian di mana peserta bersetuju untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful kerana pencapaian atau prestasi baik dalam menguruskan PRF yang menghasilkan lebih dalam dana tersebut.*


## **SOALAN LAZIM (samb.)**

### **10. Adakah sumbangan yang dibayar untuk HLM Takaful Tenang 75 layak untuk pelepasan cukai pendapatan?**

Ya. Anda layak mendapat pelepasan cukai peribadi bagi sumbangan yang dibayar di bawah "Insurans Hayat/Takaful" sehingga RM3,000, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

## NOTA PENTING

1. Risalah ini memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama pelan Takaful dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda hendaklah membaca Helaian Pendedahan Produk untuk maklumat tambahan dan sijil Takaful untuk terma dan syarat lengkap di bawah pelan Takaful ini.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan Takaful ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah sijil adalah dalam kemampuan anda.
3. Anda harus memberikan kami maklumat yang secukupnya dan tepat supaya nasihat atas kesesuaian pelan Takaful kami yang memenuhi keperluan dan situasi anda dapat diberikan kepada anda.
4. Anda boleh membatalkan sijil Takaful anda dengan mengembalikan sijil Takaful tersebut dalam tempoh bertenang selama 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung akan dikembalikan kepada anda.
5. Anda diberi tempoh ihsan selama 30 hari dari tarikh akhir pembayaran sumbangan. Kegagalan membayar sumbangan selepas tempoh ihsan boleh menyebabkan penamatan awal perlindungan anda. Sila rujuk sijil Takaful untuk maklumat lanjut.
6. Penting untuk anda menamakan seseorang untuk menerima manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil anda dan memastikan bahawa penama tersebut sedia maklum mengenai sijil yang telah anda sertai.
7. Sijil Takaful ini tidak akan memberikan apa-apa bayaran daripada PRF apabila penamatan awal, penyerahan atau kematangan sijil.
8. Semua umur yang disebut dalam risalah ini adalah berdasarkan pada hari jadi akan datang.
9. Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Keluarga, sila rujuk risalah insuranceinfo mengenai "Takaful Keluarga" di mana-mana cawangan kami, atau layari [www.himtakaful.com.my](http://www.himtakaful.com.my).
10. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.



Diunderait oleh:

**Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)**

Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, beberapa manfaat yang dilindungi di bawah sijil Takaful yang ditawarkan oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad dilindungi oleh PIDM daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat Takaful, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had-had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

**AHLI**



**Ibu Pejabat**

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,  
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,  
46100 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia.  
Tel: 03-7650 1800 Faks: 03-7620 6730

Untuk keterangan lanjut, sila layari [www.hlmtakaful.com.my](http://www.hlmtakaful.com.my) atau [fb.com/HongLeong.MSIG.Takaful](https://fb.com/HongLeong.MSIG.Takaful)



هونغ ليونغ م.س.أ.ج. تكافل



**HongLeong** MSIG Takaful

## HLM Takaful **Tenang**

Kekal Tenang Dengan Kami!



PERLINDUNGAN  
*tenang*  
MAKPU & MUDAH

**EXCELLENCE IN INSURANCE  
& TAKAFUL 2020**

**Global Halal  
Excellence  
Awards**  
Recognising the world's leading sustainable halal businesses

Sila kunjungi mana-mana cawangan kami atau  
hubungi 03-7650 1800  
Layari [www.hlmtakaful.com.my](http://www.hlmtakaful.com.my)

# Kami melindungi anda di bawah sayap kami!

Melindungi keluarga anda adalah penting bagi anda, dan kami berada di sini untuk menyokong anda dan melindungi masa depan keluarga anda walaupun terdapat ketidakpastian dalam hidup.


Pada masa yang mencabar dan sukar, Tenang akan sentiasa ada untuk mereka.

Memperkenalkan HLM Takaful Tenang, pelan takaful keluarga yang boleh diperbaharui setiap tahun yang bukan sahaja menawarkan perlindungan kewangan kepada keluarga anda tetapi juga menawarkan peningkatan perlindungan untuk kematian atau Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh (TPD). Sertai sekarang dan dilindungi dengan sumbangan yang sama sepanjang tahun.

Kekal Tenang dengan kami!

## Manfaat Kami Sepintas Lalu

### Fleksibiliti



Kami menyediakan fleksibiliti untuk anda memilih Jumlah Perlindungan Asas Permulaan daripada RM20,000 hingga RM80,000 mengikut keperluan anda.

### Peningkatan Perlindungan



Jumlah Perlindungan Asas akan meningkat secara automatik sebanyak 5% daripada Jumlah Perlindungan Asas Permulaan pada pembaharuan pertama dan kedua. Manfaat ini akan dibayar apabila berlaku:

- Kematian**
- Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD)**

### Pembaharuan Mudah



Pada akhir tahun sijil, sijil anda akan diperbaharui secara automatik untuk setahun lagi, sehingga maksimum 2 kali, tanpa perlu menjalani pemeriksaan perubatan atau menjawab soal selidik kesihatan.

## Perkhidmatan Tambahan



### ▶ Badal Haji – RM3,500<sup>1</sup>

Kami akan melaksanakan rukun Haji di Mekah bagi pihak peserta Muslim yang tidak dapat melaksanakan Haji.

### ▶ Korban – RM750<sup>1</sup>

Kami akan menjalankan “Ibadah Korban” termasuk pembelian dan penyembelihan binatang ternakan bagi pihak peserta Muslim.

### ▶ Wakaf – RM500

Anda boleh memilih untuk mewakafkan sebahagian daripada harta anda untuk tujuan kebajikan yang disalurkan kepada institusi wakaf berautoriti.

*Nota: Kos perkhidmatan tambahan akan ditolak daripada Manfaat Kematian atau TPD yang perlu dibayar di bawah sijil anda.*

## YURAN DAN CAJ

### 1. Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung. Peratusan Yuran Wakalah akan kekal sama sepanjang tempoh perlindungan dan pembaharuan, dan ia berbeza mengikut Jumlah Perlindungan Asas Permulaan seperti yang ditunjukkan di bawah:

Pelan	Jumlah Perlindungan Asas Permulaan (RM)	Yuran Wakalah
HLM Takaful Tenang	20,000	48%
	30,000 – 40,000	30%
	50,000 – 60,000	24%
	70,000 – 80,000	14%

### 2. Tabarru'

Tabarru' yang telah ditetapkan berdasarkan umur, jantina dan Jumlah Perlindungan Asas akan ditolak daripada sumbangan. Jumlah Tabarru' yang bersamaan dengan sumbangan ditolak Yuran Wakalah adalah tidak dijamin.

<sup>1</sup> Tertakluk kepada harga pasaran semasa pada tahun perkhidmatan dijalankan.

# SOALAN LAZIM

## 1. Apakah maksud 'Takaful'?

Istilah 'Takaful' merujuk kepada skim berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan saling membantu yang menyediakan bantuan dan pertolongan kewangan kepada peserta-peserta sekiranya diperlukan di mana peserta-peserta bersetuju untuk menyumbang bagi tujuan tersebut. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan Tabarru' (derma) yang disatukan untuk memberi manfaat semasa berlakunya kejadian malang yang dialami oleh mana-mana peserta.

## 2. Apakah umur kemasukan minimum dan maksimum bagi HLM Takaful Tenang?

Umur kemasukan minimum adalah 18 tahun manakala umur kemasukan maksimum adalah 60 tahun.

## 3. Bolehkah anda memberitahu saya dengan lebih lanjut mengenai dana di bawah HLM Takaful Tenang?

Hanya terdapat satu dana di bawah pelan ini iaitu Dana Risiko Peserta (PRF). Sumbangan yang telah dibayar selepas ditolak Yuran Wakalah akan disalurkan ke dalam PRF sebagai Tabarru' (berdasarkan prinsip Iltizam Bi Al Tabarru'<sup>2</sup>) untuk menyediakan manfaat Takaful di bawah pelan ini. Semua manfaat Takaful seperti Manfaat Kematian dan Manfaat TPD dibayar daripada PRF. Sebarang lebihan daripada PRF akan diagihkan dalam nisbah 50:50 di antara Pengendali Takaful (berdasarkan prinsip Ju'alah<sup>3</sup>) dan peserta yang layak.

## 4. Berapa lamakah saya perlu membayar sumbangan dan apakah mod pembayaran yang tersedia di bawah HLM Takaful Tenang?

Tempoh sumbangan adalah satu (1) tahun, tetapi sumbangan perlu dibayar sehingga akhir tempoh sijil kerana sijil akan diperbaharui secara automatik untuk satu tahun lagi, sehingga maksimum dua (2) kali. Anda boleh membayar sumbangan secara tahunan, separa tahunan, suku tahunan atau bulanan.

## 5. Apakah pengecualian utama di bawah HLM Takaful Tenang?

- (a) Manfaat Kematian tidak akan dibayar sekiranya kematian berpunca secara langsung atau tidak langsung oleh bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh permulaan atau sebarang tarikh pengembalian semula sijil, yang mana kemudian.
- (b) Manfaat TPD tidak akan dibayar sekiranya TPD disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
  - (i) cubaan membunuh diri atau kecederaan yang disengajakan diri ketika waras atau tidak waras;
  - (ii) terlibat dalam penerbangan udara (termasuk terjun payung dan terjun udara) selain sebagai kru atau sebagai penumpang yang membayar tambang pada pesawat komersial yang membawa penumpang berlesen yang beroperasi di laluan berjadual biasa; atau
  - (iii) Keadaan Sedia Ada yang tidak didedahkan kepada kami berkaitan dengan status kesihatan anda.

## **6. Apakah yang berlaku jika saya menamatkan sijil saya lebih awal?**

Anda boleh menyerahkan sijil Takaful anda dengan mengembalikan sijil Takaful tersebut kepada kami berserta notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Pembatalan akan berkuat kuasa dari tarikh sumbangan perlu dibayar berikutnya. Semasa pembatalan, sijil Takaful tidak akan menyediakan sebarang pembayaran daripada PRF dan anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil.

## **7. Adakah sumbangan yang dibayar untuk HLM Takaful Tenang layak untuk pelepasan cukai pendapatan?**


Ya. Anda layak mendapat pelepasan cukai peribadi bagi sumbangan yang dibayar di bawah "Insurans Hayat/Takaful" sehingga RM3,000, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

<sup>2</sup> *Illizam Bi Al-Tabarru'* bermaksud komitmen untuk melakukan *Tabarru'*.

<sup>3</sup> *Ju'alah* bermaksud perjanjian di mana peserta bersetuju untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful kerana pencapaian atau prestasi baik dalam menguruskan PRF yang menghasilkan lebihan dalam dana tersebut.

## NOTA PENTING

1. Risalah ini memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama pelan Takaful dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda hendaklah membaca Helaian Pendedahan Produk untuk maklumat tambahan dan sijil Takaful untuk terma dan syarat lengkap di bawah pelan Takaful ini.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan Takaful ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah pelan Takaful adalah dalam kemampuan anda.
3. Anda harus memberikan kami maklumat yang secukupnya dan tepat supaya nasihat atas kesesuaian pelan Takaful untuk memenuhi keperluan dan situasi anda dapat diberikan kepada anda.
4. Anda boleh membatalkan sijil Takaful anda dengan mengembalikan sijil Takaful tersebut dalam tempoh bertenang selama 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung akan dikembalikan kepada anda.
5. Anda diberi tempoh ihsan selama 30 hari dari tarikh akhir pembayaran sumbangan. Kegagalan membayar sumbangan selepas tempoh ihsan boleh menyebabkan penamatan awal perlindungan anda. Sila rujuk sijil Takaful untuk maklumat lanjut.
6. Penting untuk anda menamakan seseorang untuk menerima manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil anda dan memastikan bahawa penama tersebut sedia maklum mengenai sijil yang telah anda sertai.
7. Sijil Takaful ini tidak akan memberikan apa-apa bayaran daripada PRF apabila penamatan awal, penyerahan atau kematangan sijil.
8. Semua umur yang disebut dalam risalah ini adalah berdasarkan pada hari jadi akan datang.
9. Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Keluarga, sila rujuk risalah *insuranceinfo* mengenai "Takaful Keluarga" di mana-mana cawangan kami, atau layari [www.hlmtakaful.com.my](http://www.hlmtakaful.com.my).
10. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.



Diunderait oleh:

**Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)**

Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, beberapa manfaat yang dilindungi di bawah sijil Takaful yang ditawarkan oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad dilindungi oleh PIDM daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat Takaful, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had-had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

**AHLI**



**Ibu Pejabat**

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,  
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,  
46100 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia.  
Tel: 03-7650 1800 Faks: 03-7620 6730

Untuk keterangan lanjut, sila layari [www.hlmtakaful.com.my](http://www.hlmtakaful.com.my) atau [fb.com/HongLeong.MSIG.Takaful](https://fb.com/HongLeong.MSIG.Takaful)